

# PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 21 Tahun 2020

## PEKELILING KEBERADAAN STAF UiTM DALAM TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DAN PASCA PKP

### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keberadaan staf UiTM semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan.

### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 YAB Perdana Menteri dalam Perutusan Khas telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun hingga 31 Ogos 2020.
- 2.2 Kementerian Pengajian Tinggi, pada 03 Jun 2020 telah mengeluarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak COVID-19.
- 2.3 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 17/ 2020 pada 10 Jun 2020 telah meluluskan pelaksanaan pengoperasian UiTM dan panduan tadbir urus semasa Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).
- 2.4 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 23/2020 pada 22 Julai 2020 telah meluluskan keberadaan staf UiTM semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan pasca PKP bermula dari tarikh kuatkuasa.
- 2.5 Merujuk kepada Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan PKP pada 21 Julai 2020, berkuat kuasa mulai 24 Julai 2020 semua rakyat Malaysia termasuk warga asing yang dibenarkan masuk ke negara ini dikenakan kuarantin wajib di Pusat-pusat Kuarantin yang disediakan oleh Kerajaan.
- 2.6 Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan dalaman selaras dengan pembukaan sekolah sepenuhnya pada 22 Julai 2020 yang telah dimaklumkan oleh Menteri Kanan Pendidikan dan pemakluman pada 18 Julai 2020, 90.1 peratus sektor-sektor ekonomi negara telah beroperasi pada tahap sedia kala.

### **3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Pelaksanaan ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA (staf tetap/semestara/ kontrak/ harian/ Part Time Full Time/ Pekerja Sambilan Harian) dengan pecahan berikut:
- a. Staf Akademik
    - i. Keberadaan staf akademik adalah merujuk kepada Pekeliling Akademik Bilangan 12 Tahun 2020: Pemakluman Penakrifan Semula Keberadaan Staf Akademik Universiti Teknologi MARA.
    - ii. Keberadaan pentadbir akademik adalah di pejabat / premis UiTM pada hari bekerja
  - b. Staf Pentadbiran
    - Keberadaan staf pentadbiran adalah merujuk kepada Pekeliling Pendaftar Bilangan 17 Tahun 2018: Penambahbaikan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) di Agensi Kerajaan Persekutuan di Seluruh Negara
- 3.2 Sekiranya ada staf yang pulang dari luar negara atau staf memasuki Malaysia dari luar negara, staf tersebut hendaklah menjalani kuarantin mengikut ketetapan Kerajaan.
- 3.3 Berdasarkan pemakluman keberadaan staf ini maka tiada lagi kemudahan penggiliran kerja secara berjadual di pejabat bermula dari tarikh kuatkuasa.
- 3.4 Lain-lain panduan adalah masih terpakai sebagaimana yang dinyatakan Panduan Pengurusan Operasi UiTM Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) yang telah dikeluarkan pada 10 Jun 2020. Segala masalah atau isu berbangkit jika ada, perlu dirujuk kepada Ketua PTJ masing-masing untuk dilaksanakan secara teratur mengikut kelulusan/ kebenaran sewajarnya.

### **4.0 TARIKH DIKELUARKAN**


Pekeliling ini dikeluarkan pada 27 Julai 2020.

### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 03 Ogos 2020.

## **6.0 PEMAKAIAN**

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga Universiti Teknologi MARA dan untuk edaran dalaman sahaja.**
- 6.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 20 Julai 2020, Pekeliling Naib Canselor Bilangan 17 Tahun 2020, arahan atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.**
- 6.3 Kegagalan staf UiTM untuk mematuhi pekeliling ini boleh dikenakan tindakan tata tertib.**



**PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM**  
Naib Canselor

*Salinan Kepada:*

*Semua Rektor UiTM Cawangan  
Semua Dekan Fakulti  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit  
Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail : 100-BPD (PT 6/3)  
No Siri : 100-Uitm (NC 6/2) 21*